

# Semua langkah selesaikan isu antarabangsa perlu dilakukan PBB

UM 12 JUN 2002

GENEVA 11 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mahu semua langkah bagi mencari penyelesaian kepada isu-isu antarabangsa termasuk Palestin dan keganasan dilakukan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) • bukannya pihak lain.

Perdana Menteri berkata, dunia harus kembali kepada gagasan asas iaitu menyerahkan kepada PBB menangani dan mengatasi permasalahan berkenaan daripada membiarkan pihak lain memainkan peranan dan membuat penentuan.

Katanya, tidak kira isu keselamatan mahupun perdagangan, PBB adalah organisasi paling sesuai untuk diberi mandat menangani isu-isu antarabangsa sekarang.

“Ia tidak boleh ditentukan oleh mana-mana kumpulan negara atau diadakan di mana-mana tempat yang ditetapkan oleh me-&a, katanya pada sidang akhbar selepas menyampaikan ucapan pada Persidangan Buruh Antarabangsa (ILC), di sini hari ini.

Beliau menyatakan demikian sebagai mengulas pertanyaan wartawan asing mengenai perkembangan isu-isu antarabangsa termasuk langkah Kumpulan Lipan Negara Maju (G-8) yang berhasrat untuk mencari jalan mengatasi ancaman keselamatan dunia berikutan insiden 11 September.

Perdana Menteri menambah PBB juga perlu diberi kepercayaan untuk menangani isu-isu aliran masuk pekerja terutama ke negara-negara maju serta isu seperti globalisasi dan perdagangan.

Mengenai krisis Palestin-Israel, Dr. Mahathir berkata, Israel tidak perlu meningkatkan kekerasan dan penindasan semata-mata mahu menamatkan serangan berani mati rakyat Palestin kerana ia tidak akan membawa kesudahan.

Beliau menegaskan, Israel sebenarnya perlu dipertanggungjawabkan kerana bertindak mencebroh negara lain dengan menggunakan seluruh bala tentera

dan kelengkapan perang seperti helikopter pejuang.

“Israel tidak ada hak berbuat demikian biarpun atas nama pertahanan hadapan (forward defence),” katanya sambil mengulangi gesaan supaya kedua-dua wilayah itu dipisahkan oleh pasukan pengaman PBB bagi mengelakkan keadaan lebih buruk.

Katanya, Israel tidak boleh mengambil strategi membunuh 10 orang Islam bagi satu nyawa rakyat Israel yang terkorban kerana serangan berani mati Palestin.

“Sampai bilakah keadaan ini akan berterusan,” tanya beliau.

Dalam hubungan ini, pendirian Malaysia adalah jelas iaitu walaupun menolak semua bentuk keganasan tetapi dalam krisis Israel-Palestin, rejim Yahudi itu perlu menghormati hak Palestin terlebih dahulu.

Sebab itulah katanya, Malaysia mahu dunia turut menumpukan usaha kepada menangani punca keganasan.

Dalam konteks Palestin, katanya, tindakan segelintir rakyatnya menjadi pengebom berani mati harus difahami sebagai pilihan terakhir kerana ditindas begitu lama selain dinafikan hak mereka di tanah air sendiri.

Mengenai peranan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) dalam menangani globalisasi, Perdana Menteri menarik perhatian bahawa mana-mana organisasi sekalipun yang terlibat, ia harus mendengar pandangan semua pihak.

Ditanya tentang peranan Malaysia memerangi keganasan, beliau berkata, strategi yang diambil oleh Malaysia, bersifat pencegahan dan psikologi • bukannya

bergantung kepada ketenteraan semata-mata.

Pada sidang akhbar itu, Perdana Menteri turut menjelaskan pendirian beliau yang bukan menentang penggabungan bank-bank dan syarikat multinasional antarabangsa tetapi melahirkan keraguan terhadap keghairahan mereka dalam mencari keuntungan dan memanipulasi kerajaan sesebuah negara.

Petang ini, Dr. Mahathir mengadakan perbincangan dengan beberapa tokoh perbankan dan industri Switzerland dan diikuti pertemuan dengan rakyat Malaysia di Geneva.

Dr. Mahathir dan rombongan akan berlepas ke Luxembourg malam ini bagi memulakan lawatan tiga hari ke negara itu. — Utusan